

# UMS dekati komuniti Sabah dengan wadah seni

UB 13.6.2014 A2

KOTA KINABALU: Seramai 20 mahasiswa Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melaksanakan Program Anak Seni Bersama Keluarga Angkat di Kampung Binuwou Tengah Sook, Keningau baru-baru ini.

Ber temakan ‘Memanusiakan Manusia dengan Seni Kami Berbakti’, program itu merupakan anjuran Kelab Sastera

Mahasiswa (KARMA) UMS dengan kerjasama Baitul Ibadah Darul Nurrussa’adah dan Jabatan Agama Islam Sabah.

Menurut pengarah program Hajah Badariah Zaiton, program itu bertujuan mendedahkan siswa siswi dengan semangat kekitaan seterusnya membangkitkan tekad kesedaran bahawa komitmen seni untuk manfaat komuniti.

“Dengan matlamat

memanusiakan manusia, orang seni harus siap mendukung amanah menerusi kerja-kerja amal komuniti yang ditanamkan dalam diri setiap siswa. Melalui program ini, setiap mahasiswa seni dapat merasai pengalaman hidup sebagai petani bersama keluarga angkat masing-masing,” katanya.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti menjadi pengisian program itu, termasuklah

mempraktikkan serta mempelbagaikan fungsi seni dalam menyampaikan mesej kerohanian dengan amalan zikir munaqib dan mengalunkan qasidah yang indah.

“Turut dimuatkan aktiviti senaman dan gotong royong membersihkan kawasan sekitar balai raya selain program motivasi melalui persembahan kesenian dan selain aktiviti sukaneka,” katanya.